



IJAZAH KEHORMAT ... Canselor UNIMAS Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin menyampaikan Ijazah Kehormat kepada Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor (kiri) sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 UNIMAS di Kota Samarahan, semalam. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI (Sila baca ucap jasa oleh Prof Dr Khairuddin Abd Hamid di Muka 4)

Bujang Nor dianugerah gelaran Doktor Pengurusan

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Sabtu - Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 UNIMAS hari ini.

Beliau yang dilantik sebagai Pengerusi Lembaga UNIMAS pada tahun 1993 telah berjaya me-ningkatkan kece-merlangan dalam mengurus

UNIMAS.

Tan Sri Hj Bujang mem-berikan contoh terbaik, sikap dan perlakuan yang positif dalam meningkat-kan tahap profesionalisme berdasarkan pengalaman luas, mempun-yai resipi tersendiri dalam menguruskan universiti den- gan bijaksana.

Dengan karektor yang ada padanya beliau juga telah dianugerahi pelbagai bintang dan darjat kebe- saran dengan kemuncaknya Bintang Panglima Setia Mahkota (PSM) membawa

gelaran Tan Sri pada tahun 1990 dan Pingat Peringatan Delima (EMAS) dari Sarawak pada tahun 2003 serta Tokoh Kemerdekaan Negara 2009 Peringkat Kebangsaan.

Anugerah yang dibe-rikan oleh UNIMAS adalah untuk memberi pengiktirafan kepa- da pengertian kecemerlan- gan dan kepimpinan pengu- rusan yang akan menjadi contoh dan inspirasi kepada komuniti universiti serta negara dan masyarakat ke- seluruhannya.

■ SILA LIHAT MUKA 2

Bujang Nor dianugerah gelaran Doktor Pengurusan

Dari muka 1

Beliau turut memenuhi kecemerlangan pengurusan-modern yang bukan sahaja memberikan impak kepada universiti, kerajaan negeri Sarawak malah sumbangan besar di peringkat nasional. Pengurusan yang dinamik dan berintegriti tinggi memberikan manfaat kepada masyarakat dan seharusnya layak menjadi model untuk dicontohi generasi kini dan akan datang.

Sementara itu, graduan dari Program Kaunseling Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Norul Aikma Mohamed, 23, menerima Anugerah Pendidikan DiRaja.

Sepanjang pembelajarannya dia berjaya merangkul Anugerah Kepujian Dekan sebanyak lima kali di sepan- jang lapan semester pengajiannya di UNIMAS, terlibat aktif dalam aktiviti ko-kurikulum di UNIMAS.

"Di hari yang penuh makna ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada arwah ibu

walaupun dia tidak dapat melihat kejayaan saya ini, ayah yang disayangi yang menjadi tulang belakang kejayaan ini. "Tidak lupa juga kepada pensyarah-pen- syarah dan rakan-rakan yang selama ini banyak memberi sokongan dan dorongan," katanya yang bercita-cita untukmenjadi seorang pakar Perunding Kesihatan Mental yang terkemuka dan mempunyai syarikat perundingan

sendiri.

Penerima Anugerah Canselor Frannelya ak Francis, 23, dari Program Kejururawatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan tidak hanya memberi fokus kepada pembela- jaran tetapi menyerlah dalam bidang akademik aktif dalam kokurikulum.

"Kejayaan yang capai ini adalah berkata pengorbanan ibu bapa, sumbangan pensyarah dan rakan-rakan," katanya yang mengkagumi ketokohan mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammad.

Frannelya yang kini bertugas sebagai Clinical Techni- cian di salah sebuah Pusat Pakar Perubatan Swasta telah- pun ditawarkan bertugas di Universiti Nasional Singapura.